

RISALAH KESIHATAN UKKP FEBRUARI 2010

Pemanasan global

Pemanasan global berkaitan dengan peningkatan [suhu](#) dunia .Suhu [bumi](#) telah meningkat dua darjah dan kadarnya berbeza mengikut [benua](#) dan kawasan tertentu.Kajian mendapati kawasan [Artik](#) lebih pantas menjadi panas berbanding kawasan lain . Perubahan iklim biasanya berlaku dalam tempoh 10,000 tahun tetapi kini perubahan iklim berubah dalam tempoh 100 tahun sahaja, jarak hanya 2 generasi sahaja.

Suhu bumi meningkat sejak tahun-tahun 90an.Kajian mendapati iklim panas melampau di Perancis , iklim lebih panas di rantau Siberia dan pencairan "permafrost (lapisan tanah yang kekal beku di rantau paling sejuk) terutamanya di rantau Artik. Ahli sains meramalkan keseluruhan ais laut di Artik akan cair pada musim panas 2099. Litupan ais Greenland dan Antartika Barat akan mencair. Paras laut akan meningkat kira-kira 7 meter secara mendadak.



Faktor pemanasan global

[Panel Antara Kerajaan tentang Perubahan Cuaca](#) (IPCC) ditubuhkan pada [1988](#) oleh [Pertubuhan Meteorologi Sedunia](#) serta Program Alam Sekitar [Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu](#) (PBB). Kegiatan terasnya adalah menyemak dan menilai maklumat saintifik, teknikal dan sosio-ekonomi yang terkini. Saintis alam sekitar telah ditempatkan dipelbagai lokasi strategik dan mengumpulkan laporan iklim dan cuaca seluruh dunia secara sistematik. Dapatan daripada kajian ini amat memeranjatkan terutama berhubung tentang faktor pemanasan global dan kesan jangka pendek dan panjang daripadanya.

Laporan 1 (1990) dan Laporan 2 (1995) IPCC menunjukkan banyak ketidakpastian iklim dunia dan bersifat negatif . Pemanasan global ini akan menjejaskan manusia atau tamadunnya. Laporan ketiga (2001) berkisar kepada "Menangani Perubahan Iklim. Laporan Penilaian Keempat tentang (Perubahan Iklim 2007). Kajian mendapati 98 % punca pemanasan global ialah pelepasan [karbon dioksida](#) akibat pembakaran bahan bakar [fosil](#) yang telah dilakukan sejak abad ke-18. . Perubahan penggunaan tanah menyumbang 30 peratus pelepasan karbon dioksida. Kesan [rumah hijau](#) lebih hebat dan iklim dunia akan berubah secara mendadak, tanpa dapat dibendung lagi.

Pelepasan karbon dioksida

Impak pelepasan karbon dioksida tidak difahami ramai kerana gas tersebut tidak berbau dan bukan [toksik](#). Konsentrasi karbon dioksida di [atmosfera](#) telah meningkat daripada kira-kira 280 bahagian sejuta (ppm) dicatat di kurun ke-18 (sebelum era revolusi perindustrian) kepada 379 ppm pada tahun 2005.

Menjelang 2099 kadarnya meningkat kepada 700 ppm jika cara hidup sekarang berterusan. Secara bandingan , [planet](#) lain seperti [Marikh](#), suhunya kira-kira 400 darjah celcius dan 90 peratus daripada atmosferanya adalah karbon dioksida. Hampir tiada kehidupan di Marikh dan bumi akan menjadi seperti itu.

IPCC mendesak seluruh kerajaan dan penduduk dunia menstabilkan tahap karbon dioksida di atmosfera kepada paras yang boleh diuruskan iaitu 450 ppm. Bagi menghapuskan konsentrasi karbon dioksida di dalam atmosfera, ianya mengambil masa antara 200 atau 300 tahun . Walau apapun tindakan pemulihan dilakukan , untuk kembali pulih amat sedikit.

Mulai abad ke-18 majoriti warga dunia menggunakan bahan bakar fosil daripada sumber asas air atau kayu . Dunia ada banyak alternatif tetapi kita tidak menggunakannya secara bijak , berkesan dan menyeluruh. Kita terlalu bergantung kepada bahan bakar fosil. [Negara sedang membangun](#) seperti [India](#) dan [China](#) tidak setuju dengan pengurangan penggunaan bahan bakar fosil. 2 bilion penduduk di India dan China menggunakan bahan bakar fosil secara keterlaluan.

Kesan pemanasan global di Malaysia

Sumber [ekosistem](#) yang ada telah digunakan ke paras maksimum dengan penangkapan ikan berlebihan dan pemupusan kawasan besar hutan. Enam bilion penduduk dunia kini menggunakan sumber asli bumi secara berlebihan dan tidak terkawal . Jika pemanasan global berterusan , manusia dan tamadunnya akan pupus sebagaimana pupusnya dinosaur.

Ramalan [saintis](#) menunjukkan peningkatan 7.0 meter paras laut, kawasan rendah seperti [Kuala Muda \(Kedah\)](#) dan [Kelantan](#) akan ditenggelami air. Keadaan monsun akan bertukar sama sekali kerana kita akan menerima lebih banyak hujan sewaktu monsun timur laut, yang bermakna lebih banyak kejadian banjir.

Kesedaran rakyat Malaysia dan amnya masyarakat dunia sukar ditingkatkan. Hanya 3 /10 rakyat Malaysia yang prihatin kepada isu-isu alam sekitar. Kejadian [Tsunami 2004](#) dan banjir besar di Johor adalah pengajaran terbaik. Mendidik bukanlah untuk membuat mereka cemas tetapi meminta mereka bertindak secara betul dan tepat.



Disediakan oleh,
ISHAK BIN JAINOO
UKKP
Februari 2010